# UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA (KELANTAN)

TRANSKRIP WAWANCARA BERSAMA
CHE RAMLI BIN CHE ISMAIL
TOKOH GURU & PENULIS BUKU

OLEH:


| | |
|---|---|
| NUR HUSNINA IZZATI BINTI ZURAIDEE | 2021826474 |
| NUR HANI SYAMIMI BINTI MAT NAFI | 2021619706 |


PROJEK INI DIMAJUKAN KEPADA
FAKULTI PENGURUSAN MAKLUMAT CAWANGAN KELANTAN
BAGI MEMENUHI KEPERLUAN KURSUS
IMR 604 – PENDOKUMENTASIAN SEJARAH LISAN
SEMESTER 05 (OKT 2023 – FEB 2024)

PEMBELAJARAN SEPANJANG HAYAT OLEH

CHE RAMLI BIN CHE ISMAIL TOKOH GURU & PENULIS BUKU


OLEH:

NUR HUSNINA IZZATI BINTI ZURAIDEE 2021826474

NUR HANI SYAMIMI BINTI MAT NAFI 2021619706


PROJEK INI DIMAJUKAN KEPADA

FAKULTI PENGURUSAN MAKLUMAT CAWANGAN KELANTAN

BAGI MEMENUHI KEPERLUAN KURSUS

IMR 604 – PENDOKUMENTASIAN SEJARAH LISAN

SEMESTER 05 (OKT 2023 – FEB 2024)

# ISI KANDUNGAN

## ISI KANDUNGAN


PENGHARGAAN 2

ABSTRAK 3

SENARAI ABREVIASI 5

BIODATA PENEMUBUAL 6

BIODATA TOKOH 10

PENGENALAN 12

TRANSKRIP 14

- BAHAGIAN 1: LATAR BELAKANG TOKOH 15
- BAHAGIAN 2: LATAR BELAKANG PENDIDIKAN SEKOLAH RENDAH, MENENGAH DAN PENGAJIAN TINGGI 20
- BAHAGIAN 3 : PERMULAAN KERJAYA AWAL 29
- BAHAGIAN 4 : PENGALAMAN SEBAGAI SEORANG GURU 31
- BAHAGIAN 5 : ANUGERAH KERJAYA DAN PENGHARGAAN 44
- BAHAGIAN 6: PENGALAMAN MENERBITKAN BUKU PENDIDIKAN 48
- BAHAGIAN 7 : PENGALAMAN DAN SUMBANGAN (SELEPAS BERSARA) 52
- BAHAGIAN 8 : SUMBANGAN DAN HARAPAN CIKGU KEPADA MASYARAKAT 55

LOG WAWANCARA 64

DIARI KAJIAN 73

SENARAI SOALAN SEBELUM TEMUBUAL 77

SENARAI SOALAN SELEPAS TEMUBUAL 84

LAMPIRAN GAMBAR 91

INDEKS 95

BIBLIOGRAFI 96

SURAT PERJANJIAN TOKOH 98

# PENGHARGAAN

# PENGHARGAAN

Pertama sekali, puji syukur ke hadrat ilahi kerana dengan izinNya kami dapat menyiapkan tugasan ini. Jutaan terima kasih kami ucapkan kepada semua yang telah berganding bahu dalam menjayakan kursus ini secara langsung mahupun tidak langsung. Kami juga ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada pensyarah kami dalam mata pelajaran ini, Madam Annisa di atas tunjuk ajar dan nasihat sepanjang proses tugasan ini.

Di kesempatan ini, kami juga ingin mengucapkan terima kasih kepada semua ahli keluarga yang telah memberi sokongan. Tambahan lagi, kami ingin mengucapkan terima kasih juga kepada rakan - rakan sekelas kami yang membantu antara satu sama lain. Tugasan ini juga dapat diselesaikan dengan jayanya.

Akhir sekali, kami juga ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada Cikgu Ramli kerana mengobankan tenaga dan masa dalam bersama sam menjayakan tugasan ini. Semoga dengan kejayaan menyiapkan tugasan ini, dapat memberi impak positif dan dapat dikongsikan dengan generasi pada masa akan datang.

Sekian, terima kasih.

# ABSTRAK

# ABSTRAK

Temubual ini dilakukan bersama Tokoh Guru & Penulis Buku iaitu Che Ramli Bin Che Ismail untuk mengetahui tentang perkhidmatan beliau dalam kerjayanya sebagai Guru & Penulis Buku Modul Pendidikan Kimia. Temubual ini telah dijalankan di kediaman rumah beliau di Pasir Mas, Kelantan. Tarikh temubual tersebut adalah pada 14 Disember 2023 bermula pada jam 10.00 pagi hingga 1 petang.Che Ramli Bin Che Ismail adalah bekas Guru Cemerlang Kimia Gred Khas C Sekolah Menengah Sains Tengku Muhammad Faris Petra, Kota Bharu. Cikgu Ramli tidak hanya terhad kepada jawatan cikgu sahaja, tetapi cikgu juga menerbitkan buku sendiri juga. Cikgu Ramli telah bersara wajib pada 7 Ogos 2014. Beliau juga memperoleh anugerah Royal Society Of Chemistry Malaysia Section pada 2 Ogos 1986. Pelbagai ujian dan cabaran telah dihadapi oleh Cikgu Ramli bin Che Ismail semasa berkhidmat sebagai guru. Sejarah kehidupan dan kerjaya beliau dapat dijadikan sumber inspirasi kepada semua orang.

Kata kunci: Cikgu Ramli Bin Che Ismail, Guru Cemerlang, Pendidikan Kimia, Penerbitan Buku Modul, Anugerah Pendidikan

# SENARAI ABREVIASI

| SINGKATAN ABREVIASI | MAKSUD |
|---|---|
| UPM | Universiti Putra Malaysia |
| PdP | Pengajaran dan Pembelajaran |
| STP | Sijil Tinggi Pelajaran |
| MSU | Management and Science University |
| UNITEN | Universiti Tenaga Nasional |
| KPJ | Kumpulan Perubatan Johor |
| SMIP | Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Ismail Petra |
| UM | Universiti Malaya |
| SPM | Sijil Pelajaran Malaysia |
| PHD | Doktor Philosophiae |

# BIODATA PENEMUBUAL

# 1.0 BIODATA PENEMUBUAL

## 1.1 PENEMUBUAL PERTAMA



| | |
|---|---|
| **Nama** | Nur Husnina Izzati Binti Zuraidee |
| **Tarikh Lahir** | |
| **Tempat Lahir** | Pasir Mas |
| **Alamat** | Kota Bharu Kelantan |
| **No. Telefon** | |
| **E-mel** | |
| **Program** | Ijazah Sarjana Muda Pengurusan Maklumat (Kepujian) Pengurusan Sistem (IM245) |

1.2 PENEMUBUAL KEDUA



| | |
|---|---|
| **Nama** | Nur Hani Syamimi Binti Mat Nafi |
| **Tarikh Lahir** | |
| **Tempat Lahir** | Kuantan, Pahang |
| **Alamat** | Kuantan, Pahang |
| **No. Telefon** | |
| **E-mel** | |
| **Program** | Ijazah Sarjana Muda Pengurusan Maklumat (Kepujian) Pengurusan Sistem (IM245) |

# BIODATA TOKOH

# BIODATA TOKOH



| | | |
|---|---|---|
| Nama | : | Che Ramli Bin Che Ismail |
| Umur | : | 69 tahun |
| Tarikh Lahir | : | |
| Pekerjaan | : | Cikgu |
| Bidang | : | Kimia Sains |
| Tempat tinggal | : | Pasir Mas, Kelantan |
| Hobi | : | Berkebun |
| Kampung Asal | : | pasir<br>mas, kelantan |
| No. Telefon | : | |
| Email | : | |
| Nama Isteri | : | |
| Nama Anak | : | |

# PENGENALAN

# PENGENALAN

Cikgu Che Ramli Bin Che Aziz merupakan anak jati Kelantan yang telah menetap di Kelantan Darul Naim selama hampir separuh umurnya. Beliau merupakan seorang yang sederhana dalam percakapan dan sangat menghormati orang sekeliling tanpa mengira pangkat dan darjat. Tempat lahir beliau adalah di Kelantan dan bersekolah peringkat rendah di Sekolah Kebangsaan Kubang Chenok dan menengah di Sekolah Menengah Ulu Pat.

Beliau menyambung STP kemudian melanjutkan pelajaran peringkat Diploma Sains dan Pendidikan di Universiti Putra Malaysia seterusnya menyambung ijazah di universiti yang sama. Perjalanan hidup beliau penuh dengan semangat untuk mendidik anak bangsa mengikut acuan dan ajaran yang betul yakni ajaran agama Islam. Beliau berkahwin dengan isteri beliau iaitu Puan Nilah Binti Ibrahim pada tahun 1983. Puan Nilah yang berumur 60 tahun merupakan suri rumah sepenuh masa dan beliau juga merupakan anak jati Kelantan. Puan juga seorang yang sangat baik hati dan mudah untuk didekati.

Sepanjang melayari bahtera bersama dengan Puan, mereka telah dikurniakan empat orang anak perempuan dan seorang anak lelaki. Anak sulung mereka iaitu yang berumur empat puluh tahun, anak kedua pula ialah anak lelaki berumur tiga puluh lapan tahun, anak ketiga ialah yang berumur tiga puluh lima, anak keempat ialah yang berumur tiga puluh tiga, dan anak bongsu mereka ialah yang masih belajar di MSU yang mengambil jurusan perubatan dan berumur dua puluh dua tahun. Temubual ini berkisarkan mengenai perjalanan hidup, pengalaman dalam bidang kerjaya.

# TRANSKRIP

# TRANSKRIP

Assalamualaikum WBT, saya Nur Hani Syamimi Binti Mat Nafi dan Nur Husnina Izzati Binti Zuraidee, kami merupakan pelajar Ijazah Sarjana Muda di UiTM Cawangan Kelantan. Tujuan utama kami adalah menelefon dan menemu bual cikgu untuk subjek IMR604. Tujuan sejarah lisan ini adalah kami ingin mengetahui perjalanan, sumbangan nasihat dan juga kerjaya tuan mengenai bidang perguruan. Temuduga ini telah dilakukan pada 14 Disember 2023 pada pukul 10.00 pagi, hari Khamis bertempat di kediaman Cikgu Ramli. Berikut adalah hasil rakaman.

Petunjuk

CR: Che Ramli
NHS: Nur Hani Syamimi
NHI: Nur Husnina Izzati

## BAHAGIAN 1: LATAR BELAKANG TOKOH

NHS : **Assalamualaikum cikgu, apa khabar?**

CR : Waalaikummussalam warahmatullahi wabarakatuh alhamdulillah sihat.

NHS : **Boleh kami tahu nama penuh cikgu?**

CR : Sebelum tu saya nak ucapan terima kasih pada Hani dan Husnina kerana sudi menemu bual saya ya yang sedaanya bukan kata pro pun baik nama penuh saya Che Ramli Bin Che Ismail.

NHS : **Boleh kami tahu nama panggilan cikgu di kalangan rakan sekerja?**

CR : Rakan-rakan sekerja panggil saya Cikgu Ramli kalau di kalangan murid Cikgu Ram.

NHS : **Berapakah umur cikgu pada tahun ini?**

CR : Tahun *ni* [ini] saya masuk enam puluh sembilan lebih lah enam puluh sembilan.

NHS : **Dimanakah dan bilakah cikgu dilahirkan?**

CR : Saya dilahirkan di kampung Pasir Mas pada .

NHS : **Dimanakah cikgu berasal?**

CR : Saya memang berasal di Pasir Mas, Kelantan tempatan lah.

NHS : **Bolehkah cikgu berkongsi cerita tentang keluarga cikgu?**

CR : Saya anak yang ke empat daripada lima orang kemudian saya dah berumah tangga, isteri saya Nilah Binti Ibrahim dan kami mempunyai lima orang anak lah ya dan empat daripadanya telah berumah tangga dan telah bekerja. Tiga daripadanya bekerja di luar Kelantan, yang sulung berada di Kota Bharu yang bongsu masih belajar di tahun empat.

NHS : **Apakah nama ibu bapa cikgu?**

CR : Nama bapa saya , ibu saya.

NHS : **Berapakah bilangan adik-beradik cikgu?**

CR : Adik beradik saya lima orang, kakak sulung saya meninggal jadi apa tinggal empat sekarang.

NHS : **Di manakah tempat tinggal cikgu?**

CR : Sekarang saya tinggal di Pasir Mas, Pasir Mas.

NHS : **Adakah cikgu sudah berkeluarga?**

CR : Ya, saya sudah berkeluarga memiliki lima orang anak.

NHS : **Bila berkahwin?**

CR : Saya berkahwin pada tahun seribu sembilan ratus lapan puluh dua [sambil membuat isyarat tangan].

NHS : **Apakah nama isteri cikgu? Nama panggilan?**

CR : Nama penuhnya, Nilah Binti Ibrahim panggilan di kalangan *apani* [apa ini] anak- anak panggil ummi, anak *sedara* [ saudara] panggil Cik Su rakan rapat rakan-rakan dia panggil Nil [bunyi notifikasi] nama panggilan.

NHS : **Umur isteri cikgu?**

CR : Umurnya sekarang dah masuk enam puluh satu lebih, lebih enam puluh rasa.

NHS : **Pekerjaan isteri cikgu?**

CR : Suri rumah tangga sepenuhnya.

NHS : **Apakah pekerjaan anak-anak cikgu?**

CR : Yang sulung — *apani* [apa ini] bekerja di Hotel Pegawai Eksekutif Hotel, Gov De Villa Wakaf Che Yeh, nombor dua sebagai pensyarah di MSU [bunyi notifikasi] . Kemudian yang keempat tu bekerja di KPJ [Kumpulan Perubatan Johor] Johor Bahru, bahagian *apani* [apa ini] kaji *apani* [apa ini] penyakit bakteria-bakteria, kemudian yang bongsu *tu* [itu] masih belajar di tahun empat di MSU [Management and Science University].

NHS : **Adakah cikgu sudah mempunyai cucu?**

CR : Ya, Saya sudah ada sepuluh orang cucu, dan akan inshaallah pada bulan tiga masuk yang ke-11 lah inshaallah.

NHS : **Apakah hobi cikgu pada masa lapang? [bunyi notifikasi]**

CR : Masa lapang-masa lapang saya *ni* [ini] suka-suka ber-ber *apani* [apa ini] bertani sikit-sikit biar-biar lah ya, tanam pokok-pokok lah buah-buahan. Kalau kat rumah *ni* [ini], saya juga lah, pokok-pokok bunga *tu* [itu] pokok-pokok tanaman yang lain tulah [itu lah].

NHS : **Apakah pengalaman manis yang pernah dialami semasa kecil dahulu?**

CR : Pengalaman manis *apani* [apa ini] berjualan masa *tu* [itu] saya-saya diminta oleh ibu saya untuk buat nasi lauk dan kuih-kuih dan saya sempat menjaja (sambil isyarat tangan). Daripada rumah ke sekolah, sampai ke sekolah saya menjaja jadi saya rasa saya *happy* [gembira] sangatlah dapat— bantu *apani* [apa ini] *mok* [mak] saya *masatu* [masa itu] jualan kecil-kecil kecilan dapat duit poket tiga puluh sen sehari okay lah masa tu [itu].

**TAMAT BAHAGIAN 1**

## BAHAGIAN 2: LATAR BELAKANG PENDIDIKAN SEKOLAH RENDAH, MENENGAH DAN PENGAJIAN TINGGI

NHS **Boleh cikgu ceritakan latar belakang dan lokasi pendidikan cikgu dari sekolah rendah hingga pe pengajian tinggi?**

CR : Inshaallah, saya mendapat pendidikan sekolah rendah kampung, sekolah yang sangat-sangat dhaif, beratapkan zink, berlantaikan tanah yang tanah-tanah licin (bunyi kerusi) berlumpur dan kelas kami hanya di kelas kami ada enam kelas asing dengan pagar tali *je* [sahaja], kami boleh *tengok* [lihat] boleh dengar satu sama lain satu sampai darjah enam. Sekolah kebangsaan Kubang Chenor daripada tahun tahun 1962 sampai 1966. Kemudian tahun 1967 saya bertukar ke sekolah menengah Tok Uban, Sekolah Menengah Tok Uban tidak lah dhaif sangat, kami berkongsi sekolah rendah sama belah pagi sekolah menengah, belah petang sekolah rendah. Tahun 1970, saya dapat tawaran ke *SMIP* [Sekolah Menengah Kebangsaan Ismail Petra] (sambil mengangguk) *so* [jadi] masuk aliran sains sampai tahun 1971 *SPM*, kemudian masuk da dalam saya dapat tawaran ke buat diploma ke *UITM* [Universiti Teknologi Malaysia]. Saya *tak* [tidak] pergi sebab surat *tu* [itu] lewat sampai ke tangan saya, *tak* [tidak] dapat lah saya pergi sambung belajar ke sana, rakan-rakan saya sebahagian besarnya separuhnya pergi ke sana buat diploma *apani* [apa ini] sambung diploma. Saya sambung ke tingkatan tingkatan enam tahun tujuh puluh dua sampai tujuh puluh tiga kemudian — *STPM* [Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia] dapat lah satu *principle* [prinsip] dan satu subsit-subsit ya, *tak* [tidak] layak masuk ke universiti, saya kena dapat satu *principle* [*prinsip*] dua subsit *subsionary* [anak syarikat] *baru* [baharu] layak sambung masuk ke *apani* [apa ini] sambung buat Sarjana Muda, *tak* [tidak] dapat kecewa lah ya! kecewa lah, dapat tawaran kemudian dapat tawaran ke *UM* [Universiti Malaya] buat asasi saya *tak* [tidak] saya *tak*

[tidak] pergi ikut kawan, pergi ke *UPM* [Universiti Pertanian Malaysia] *amek* [ambil] buat diploma sains dan pendidikan [bunyi notifikasi] selama tiga tahun [bunyi notifikasi] sampai *apani* [apa ini] 1977, saya balik mengajar sekolah pertama saya di tahun — pada 1997 bulan enam tahun 97 sampai hujung tahun 1983 saya sambung belajar *apani* [apa ini] sambung ijazah di *UPM* [Universiti Pertanian Malaysia], saya dapat pelajar terbaik dalam bidang saya pelajar *chemistry* [kimia] lah dari anugerah *apani* [apa ini] pingat *apani* [apa ini] pingat daripada royal chemistry society cawangan malaysia-cawangan malaysia,mendapat tawaran sambung master saya-saya terima tapi *masatu* [masa itu] masa yang sama bapa saya sakit, dan ayah saya sakit dalam masa yang sama saya dapat tawaran sebagai pegawai-pegawai *apani* [apa ini] alam sekitar di kementerian alam sekitar, kedua-dua tawaran saya tolak, terpaksa menjaga ayah sakit *masatu* [masa itu] kemudian saya dapat tawaran mengajar di Sekolah, dan saya dapat tawaran mengajar sekolah di Sekolah Menengah Tengku Panglima Raja, Pasir Mas pada 5 Januari tahun 1987. Itulah pengalaman saya.

NHS : **Apakah suasana pembelajaran semasa dari sekolah rendah hingga pengajian tinggi?**

CR : Okay Inshaallah, suasana pembelajaran semasa di sekolah rendah ya saya mula belajar di sekolah kebangsaan Kubang Chenor *masatu* [masa itu], sebuah sekolah yang pasca merdeka yang sangat dhaif ya. Kalau nak dibanding dengan masa sekarang ya dengan keadaan *apani* [apa ini] bangunannya daripada papan kayu, lantainya tanah berlumpur licin dhaif sangat lah maknanya tidak selesalah tapi, masatu kita *tak* [tidak] rasa salah begitu tapi kalau kita nak banding dengan zaman sekarang *ni* [ini] maknanya jauhlah suasananya pembelajaran yang tidak *apani* [apa ini] tidak menggalakkan lah tetapi proses belajar tetap berlaku. Bila saya

masuk ke sekolah menengah sekolah menengah lah ya. Keadaannya agak berubah sedikit di mana bangunan sekolah banyaklah lebih baik dengan bangunan lebih cantik, bangunan yang kelas yang tersusun lantainya bersimen kelas-kelasnya cantik walaupun *masatu* [masa itu] kami kongsi dengan bangunan yang sama dengan sekolah-sekolah rendah, jadi sekolah menengah tu bangunan situ, sekolah rendah Tok Ban pun benda yang sama, suasananya lebih baik lah kalau di sekolah rendah dulu, cikgu-cikgunya yang tidak ada kelayakan setengah *tu* [itu] hanya *apani* [apa ini] yang lulus darjah enam saja yang dah se ada sijil perguruan. Mungkin saya rasalah guru besarnya dan penolong kanan yang ada sijil, yang lain *tu* [itu] *apani* [apa ini] maksudnya guru besar dan penolong kanan *tu* [itu] lulusan maktab, yang lain *tu* [itu] ialah setakat sijil ataupun yang dikira *apani* [apa ini] boleh mengajar lah kalau tidak ada-tidak ada *apani* [apa ini] orang yang berkelayakan tidak cukup cikgu masa *tu* [itu] patut dia paksa ambil di kalangan belia-belia yang-yang *apani* [apa ini] yang dah lepas sekolah untuk mengajar kami. Jadi masuk sekolah menengah Tok Uban *tu* [itu] guru-guru nya memang berkelayakan lah ada yang universiti dan ada yang daripada maktab. Jadi, guru-guru yang lebih *apani* [apa ini] yang ada pendidikan, bangunan sekolah pun jauh lebih baik dari sekolah menengah tadi (batuk) dan saya menyambung pelajaran ke sekolah menengah *apani* [apa ini] daripada sekolah menengah Tok Uban ke sekolah Sekolah Menengah Al-Attas ya di tingkatan lima dan enam Sekolah Menengah Petra *SMIP* [Sekolah Menengah Kebangsaan Ismail Petra] Kota Bharu, jadi infrastruktur, prasarana dan *apani* [apa ini] guru-guru yang lebih lebih baik, guru-guru yang berkelayakan, bangunan yang (batuk) lebih baik dengan kelas-kelas dan makmal yang cukup.

NHS : **Apakah kemudahan yang ada ketika zaman belajar?**

CR : Masa sekolah rendah dan sekolah menengah rendah, kemudahannya *tak* [tidak] seberapa lah saya rasa *tapi* [tetapi] saya rasa saya rasa ada nikmatlah belajar walaupun tiada kemudahan *masatu* [masa itu] kita rasa boleh belajar ada cikgu ada kelas dan kita-kita dapat ilmu kita dapat kemahiran nikmat belajar dengan guru-guru yang berkelayakan sesuai dengan pendidikan semasa Fasiliti sekolah agak mencukupi, makmal komputer *masatu* [masa itu] *takde- takde* [tidak-tidak] lah ya, makmal sains di sekolah menengah *takdelah* [tidak ada lah] walaupun kita kata bahan-bahan *KPM* [Kementerian Pendidikan Malaysia] tidak mencukupi *takde* [tidak ada] ada-ada disediakan (batuk). Cikgu-cikgu yang berkelayakan dan sudah ada dan kami dapati cikgu-cikgu memang ada *apani* [apa ini] kesungguhan-kesungguhan untuk mendidik kami, mendapat ilmu dan kemahiran di sekolah menengah, terutama di sekolah menengah saya dapat bantuan daripada cikgu-cikgu yang berkelayakan. Cikgu-cikgu saya nampak kesungguhan cikgu dengan membuat kelas tambahan kelas tambahan percuma hujung minggu dan kami-kami *apani* [apa ini] murid-murid ketika itu rasa sangat berterima kasih walaupun (batuk) kita tidak memiliki *apani* [apa ini] suasananya yang *apani* [apa ini] yang begitu hebat *masatu* [masa itu] tapi kita telah dibekalkan dengan ilmu baru melalui ilmu sains, dan teknologi walau *masatu* [masa itu] tidak ada lagi makmal komputer, tapi makmal sains memang-memang men-men menjadi kita *apani* [apa ini] begitu bersemangat untuk belajar. (suara orang bercakap)

NHS : **Apakah jurusan yang diambil ketika pengajian tinggi?**

CR : Saya memilih jurusan sains iaitu bidang kimia dan matematik. (menjelaskan skrip)

NHS : **Apakah keunikan jurusan ini?**

CR : Okay keunikannya saya *masatu* [masa itu] masa itu bidang sains dan matematik sangat-sangat diperlukan kekurangan *apeni* [apa ini] pelajar melayu dalam bidang itu, *masatu* [masa itu] ketara sangat. Kami diberi peluang se sedemikian rupa [sambil mengangguk], diberi tempat, diberi peluang, jadi saya mengambil kesempatan dengan menanam cita-cita sambung belajar ke peringkat lebih tinggilah, Saya nak belajar bukan setakat ijazah, saya ada cita-cita nak masuk belajar sampai peringkat master dan seterusnya. Peluang saya nampak *ceroh* [cerah] untuk belajar peluang belajar untuk belajar selesa.

NHS : **Boleh kami tahu prospek kerjaya yang terdapat dalam jurusan ini?**

CR : Prospeknya banyak, sa saya rasa *tu* [itu] sebab — *apeni* [apa ini] bukan setakat guru sains lah, kedoktoran, bidang-bidang kejuruteraan, farmasi bidang-bidang biotek dan untuk sambung belajar peringkat yang lebih tinggi, ini juga perlu dalam bidang ini, saya jadi saya memang menanam cita-cita ini untuk sambung belajar sampai ke peringkat *PHD* [doktor philosophiae] tapi apakan daya, kerana tuhan, kerana tuhan, kita merancang, tuhan menentukannya. Saya redha lah dengan dengan apa yang ujian Tuhan masa tu, ayah saya sakit. Jadi saya-saya berhenti setakat itu saja.

NHS : **Adakah [bunyi notifikasi] jurusan ini pilihan pertama cikgu?**

CR : Ya, pilihan pertama saya.

NHS : **Apakah persepsi keluarga cikgu mengenai jurusan ini?**

CR : Orang tua saya memang *tak* [tidak] nampak apa, saya saya memang menyuarakanlah peluang-peluang daripada ini jadi saya memberi. Jadi dia memberi sokonganlah memberi sokongan dan sukalah saya *amek* [ambil] bidang ini.

NHS : **Semasa cikgu mendapat pendidikan, apakah sumbangan dan pencapaian cikgu sepanjang di sekolah tersebut mahupun di universiti?**

CR : Semasa di universiti, saya tidaklah terlibat dalam persatuan apa-apa saya hanya jadi ahli biasa misalnya program dakwah hadir hadirlah saya hanya saya terlibat dengan *apani* [apa ini] satu kelab budaya. Kami tubuh kelab dikir barat, jadi saya seorang peserta seorang ahli cumanya sebagai tukang palu gong saja [gelak kecil]. Jadi kami buat persembahan masa konvokesyen atau masa makan-makan malam. Kami dijemput lah untuk buat persembahan kami sena kami telah menjadi johan mengalahkan boria.

NHS : **Adakah cikgu menyertai kursus - kursus profesional?**

CR : Saya ya, saya hadir kursus yang paling banyak adalah kursus pembinaan item, semakan semula sukatan dan yang ketiga panel ahli panel dalam

panel dalam *apani* [apa ini] pedagogi dan saya jalankan tiga-tiga ini bila jadi jurulatih utama peringkat kebangsaan dan saya bergerak ke seluruh Malaysia dan Sabah dan sa saya ke Perlis sampai ke Sabah.

NHS : **Rahsia kejayaan cikgu dalam mencapai kejayaan ?**

CR : Ouh rahsia, rahsia saya buat kerja bersungguh-sungguh. Itulah saya tidak mengharapkan pujian dan ganjaran dan saya turun sekolah dengan niat ialah lillahi ta'ala. Saya buat kerja betul-betul, bersungguh- sungguh saya nak tengok hasil nya hasil yang membuahkan produk nya.

NHS : **Kenangan yang tidak dapat cikgu lupakan?27.19**

CR : Kenangan yang saya *tak* [tidak] dapat lupakan ialah apabila saya terpilih untuk tinggal di asrama Kelantan *English School* [sekolah inggeris] Jalan Kota Bharu saya dipilih berdasarkan pencapaian akademik dan disiplin keputusan akhir awal tahun, peperiksaan tingkatan empat, di sekolah menengah — jadi saya tinggal bersama penyelia asrama iaitu — .Saya dibimbing dari segi masa, disiplin dan *apani-apani* [apa ini-apa ini] pengurusan pembelajaran. Pemandangan saya *ni* [ini] ialah pelajar melayu pelajar aliran melayu yang terpilih begitu *excited* [teruja] dan sangat sangat gembiralah sedemikian rupa. Contohnya bila-bila hari minggu ada aktiviti lawatan ke kampung kampung setiap minggu jadi saya *tak-tak* [tidak-tidak] diberi peluang sama sama hadir ke kampung melawat tempat khusus lah contohnya, kampung-kampung terpilih lah kraftangan, contoh *dok* [tidak] jadi saya membuat *translation* [makna] apabila dia mohon cakap begitu gembira begitu teruja lah ini kenangan-kenangan yang *tak* [tidak]

dapat saya lupakan sepanjang tahun tingkatan empat sampai — dengan beliau jadi saya banyak belajar dengan beliau pembimbing di asrama penuh.

NHS : **Apakah pengalaman bersama mereka yang masih lagi di ingat sehingga kini?**

CR : Pengalaman bersama mereka *ni* [ini] dua tempat lah pengalaman dalam kelas di mana saya dengan pelajar *ni* [ini] saya suka bergurau, saya suka menyebut-nyebut nama, memuji-muji, kadang-kadang laki-laki saya peluk dan kadang-kadang dia peluk saya, bila saya meninggalkan kelas *dok* [tidak] saya teringat lagi di telinga saya sampai ke *harini* [hari ini] larian tapak kaki memanggil saya Sir Ram, Sir Ram, "Sir ram! Sir Ram!" tunggu-tunggu, saya tunggu dia peluk saya cikgu sir ram jom ke kantin kenangan saya *masatu* [masa itu] ya! suka sedap sampai ke *harini* [hari ini] *laki-laki* [lelaki-lelaki] perempuan, kadang- kadang atas meja saya *tu* [itu] *tak* [tidak] *tahulah sapa* [siapa] hantar makanan air susunya kuihnya dengan kata kata saya sayang sir.

NHS : **Apakah kaedah pengajaran dan pembelajaran ketika zaman universiti?**

CR : Di universiti kaedah-kaedah yang saya rasa lah pertama mereka guna ialah *mastery* [penguasaan]. Yang kedua mereka guna *apani* [apa ini] — kaedah *visual* (gambaran) itu yang saya nampak lah begitulah dan banyak dan banyak mastery *mastery learning* [penguasaan penguasaan pembelajaran].

NHS : **Apakah perbezaan pengajaran dan pembelajaran dahulu dan sekarang?**

CR : Perbezaan ketara *apani* [apa ini] pasca selepas merdeka terutama dari segi infrastruktur dan fasiliti sekolah ataupun yang kedua suasana iklim sekolah semasa tahun 70-an. Selepas tahun 70-an saya menikmati pembelajaran yang lebih kondusif lebih bermakna lah *thoughtful learning* [pembelajaran berfikir] dimana wujudnya makmal bahasa, makmal komputer, mak makmal sains yang lengkap, guru-guru berpengalaman dan berkelayakan dan rakan sebaya yang suka membantu bekerjasama masatu dasar pendidikan penyata Razak dan penyata Tun Rahman Talib,
hanya menekan aspek bahasa aspek-aspek lain tadi *tak* [tidak] diberi penekanan sehinggalah-sehinggalah selepas dasar eko-ekonomi *baru* [baharu], pendidikan diberi penekanan pembelajaran yang lebih kondusif dimana wujudnya sekolah Bestari *masatu* [masa itu] sekolah berasrama penuh, jadi kemudahan dan infrastruktur sekolah diberi penekanan diberi keutamaan jadi belajar lebih kondusif, cikgu-cikgu pun berkelayakan dengan *apani* [apa ini] amalan pedagogi yang lebih baik berbanding sebelum tadi ya (sambil isyarat tangan). walaupun masih ada yang mengamalkan *apani* [apa ini] kaedah syarahan ataupun ekspoisitori dalam *apani* [apa ini] kaedah pembelajaran masatu cikgu saya rasa lebih mendekat kepada kaedah *mastery* [penguasaan] pendekatan ataupun strategi *mastery learning* [penguasaan pembelajaran] ya begitu pengajaran (bunyi notifikasi), buat latihan, buat ujian daripada ujian itu, daripada pencapaian tak sampai lapan puluh peratus cikgu nak me mengulangi *apani* [apa ini] bahagian yang *tak* [tidak] dicapai di kalangan pelajar sehingga penguasaan lapan puluh peratus diperolehi.

**TAMAT BAHAGIAN 2**

## BAHAGIAN 3 : PERMULAAN KERJAYA AWAL

NHS : **Apakah pekerjaan awal cikgu setelah menamatkan pengajian?**

CR : Saya terus jadi pegawai pendidikan pelajaran iaitu sebagai guru.

NHS : **Sumbangan cikgu sepanjang berkhidmat sebelum memasuki bidang perguruan?**

CR : Sumbangan ya, saya terus jadi cikgu dalam masa yang sama di kampung *tu* [itu] saya pegang *apani* [apa ini] maaf la ya ketua pemuda umno dan juga belia sebelum-sebelum dan pada masanya saya menjadi guru pada hari minggu kami berjumpa bermesyuarat aktiviti-aktiviti tersebut belia. Contohnya, membersih kubur, membina jalan di kampung *masatu* [masa itu] kami sama-sama berusaha dalam *apani* [apa ini] bersama belia di kampung masa *tu* [itu] dan sama-sama belia kampung jalan aktiviti membersih kubur, aktiviti membina jalan untuk ke masjid untuk ke surau, dan pergerakan kami ke kampung dan semasa saya bekerja *jugok* [juga] saya jadi *apani* [apa ini] ajk-ajk kelab *apani* [apa ini} persatuan Taman ma Makasar kampung saya. Saya pegang bidang pendidikan dan dakwah. Kami menganjurkan bersama pihak masjid ceramah perdana kita jemput penceramah di pada malam jumaat.

NHS : **Berapa lamakah cikgu telah menceburi bidang perguruan ini?**

CR : Daripada tahun 1977 sampai 2014 dalam tempoh tiga puluh tujuh tahun.

NHS : **Faktor yang mendorong cikgu mendalami bidang perguruan?**

CR : Faktor walaupun cita-cita saya sebelum *tu* [itu] bukan jadi doktor *sorry* [maaf] bukan jadi guru, tapi bila ceburi bidang ini dia menyeronokkan saya, memotivasikan saya, memberi semangat kepada saya apabila saya terlibat dengan pelbagai karenah pelajar saya. Saya dicabar, diuji ya saya bina *team* [kumpulan] saya *team* [kumpulan] saya cikgu-cikgu bersama pengetua ya, kita selesaikan masalah pelajar. Kita buat rawatan kita panggil pelajar kita pulih pelajar ini memotivasikan saya untuk terus berkhidmat sebagai guru walaupun ujian itu datang karenah daripada awal sampai akhir karenah sama, tapi saya rasa seronok bila masalah saya bila masalah dapat selesai bersama rakan-rakan sepasukan saya .

NHS : **Bilakah cikgu dilantik untuk ditawarkan memegang jawatan Perguruan ini?**

CR : Tahun 1977 *tak* [tidak] silap saya lantikan pertama ya tiga belas hari bulan tiga belas hari bulan enam 1977, lantikan pertama sebagai guru gred DG29 ataupun dipanggil masa tu T1 haa.

NHS : **Apakah perasaan cikgu ketika ditawarkan menjawat jawatan ini?**

CR : Aih mestilah saya suka seronok! memang saya tunggu-tunggu untuk ditawarkan.

**TAMAT BAHAGIAN 3**

## BAHAGIAN 4 : PENGALAMAN SEBAGAI SEORANG GURU

NHI : **Pada tahun berapakah cikgu mula mula menjadi seorang guru?**

CR : Pada tahun 1977 atau tepatnya 13 haribulan jun 1977.

NHI : **Kenapa cikgu meminati bidang perguruan?**

CR : Okay [baiklah] saya bukannya, sebenarnya saya tak meminati bidang ini tetapi bila saya diberi peluang — menceburilah bidang ini. Di mana pertama saya diberi peluang menyambung ke peringkat diploma sains dan pensyarah-pensyarah memberi semangat perangsang, motivasi mengatakan peluang untuk menyambung pelajaran ke peringkat lebih tinggi, master dan *PHD* [doktor philosophiae] menyebabkan saya rasa teruja. Kemudian betul (sambil mengangguk) apabila saya berada di sekolah, saya kata tadi cabaran-cabaran seperti kerenah pelajar hambatan waktu, masa, dan *apeni* [apa ini] penyesuaian mod pengajaran pelajar dengan kepelbagaian minat dan kebolehan pelajar merangsang saya untuk jadi minat bidang ini.

NHI : **Siapakah yang mendorong cikgu menceburi bidang ini?**

CR : Saya tidak ada sesiapa, hanya saya rasa apabila saya menyambung pelajaran ke peringkat diploma jadi pensyarah-pensyarah terutama Professor Dr. Badri yang banyak beri nasihat kepada saya. Untuk terus sambung bidang ini walaupun sebagai seorang guru, kerana peluang untuk sambung ke peringkat master dan bahkan untuk menjadi pensyarah ada. Jadi itu yang memberi saya semangat. Bersemangat.

NHI : **Di manakah sekolah pertama cikgu mengajar selepas tamat pengajian?**

CR : Ya, sekolah pertama saya di Sekolah Menengah Agama Falahiah, Pasir Pekan, Tumpat.

NHI : **Bagaimanakah hubungan cikgu dengan rakan setugas di tempat baru ketika itu?**

CR : Ouhhh *okay* [baiklah] hubungan saya sangat akrab, sangat baik, kenapa. Sebab saya ialah guru paling muda, dan saya punya pengetua, rakan-rakan lain jauh lebih berumur, boleh panggil bapa lah, dan mereka sentiasa gurau dengan saya, memberi tunjuk ajar dan menyebabkan saya rasa selamat dan selesa di sekolah itu

NHI : **Pada permulaan menjadi seorang guru, cikgu mengajar mata pelajaran apa?**

CR : Saya mengajar mata pelajaran sains dan matematik.

NHI : **Adakah para pelajar dapat menerima cara cikgu mengajar atau sebaliknya?**

CR : Ya, *apeni* [apa ini] saya rasa dari segi pedagogi berbanding dengan guru-guru yang ada masa itu lah. Kerana saya diberi pendedahan dari segi pedagogi, penyampaian saya rasalah boleh kata saya lebih baik daripada

mereka dan pelajar-pelajar suka, suka dengan saya, bahkan kami macam sebaya, macam kawan. Mudahlah mereka terima penyampaian saya

NHI : **Bagaimana pengalaman cikgu menguruskan para pelajar cikgu?**

CR : Okay [Baiklah] sudah tentulah saya, pertama sekali ialah pengurusan kelas lah. Pengurusan kelas (sambil mengangguk) walaupun pelajar sekolah pertama saya, ramai tapi saya suka susun pelajar-pelajar saya, barisan hadapan laki-laki [lelaki-lelaki] perempuan belakang dan susun atur meja itu saya bagi ruang, ruang dimana saya mudah bergerak, pelajar mudah bergerak, saya mudah pantau mereka, terutama pelajar-pelajar yang saya kenal pasti nakal ataupun sedikit bermasalah. Jadi saya rasa pengurusan kelas dan *apeni* [apa ini] membina *apeni* [apa ini] yang kedua membina apani bukan membina, meminta pelajar patuh pada arahan *apeni* [apa ini] arahan dan peraturan bilik darjah yang telah pun ada. Jadi saya sentiasa beri penekanan lah pelajar dengan cara yang, cara kawan, berkawan, santai begitu.

NHI : **Sepanjang cikgu mengajar pernahkah cikgu mengenakan hukuman rotan terhadap pelajar yang mempunyai masalah disiplin?**

CR : Ouh tidak, tidak pernah. (sambil menggeleng) Tampar pun saya tak pernah, saya lebih suka pantau pelajar. Masa itu lagi saya suka mendekati pelajar, tanya apa masalah-masalah. Saya sentiasa beri *apeni* [apa ini] galakan, pujian walaupun mereka itu nakal. Dan saya panggil dia, bersama saya selepas itu sebagai kawan, tanya masalah dia. Jadi ini saya amalkan dulu sampailah akhir *apeni* [apa ini] pengajaran saya (sambil ketawa kecil) saya memang suka dekati pelajar saya tak, tak pernah tampar apatah lagi rotan.

NHI : **Adakah cikgu membenarkan para pelajar cikgu berkongsi masalah mengenai pelajaran mereka walaupun bukan masa sekolah?**

CR : Ya memang saya lebih suka begitu, masa yang terhad, empat puluh minit, lapan puluh minit saya tak mampu untuk, untuk *apeni* [apa ini] mengenali mereka. Jadi apa saya buat, saya panggil mereka dan bersama saya, contohnya makan bersama ataupun kalau mereka malu di kantin saya masuk bilik saya, saya tanya apa masalah dia, saya kongsikan bahkan saya ajak pengetua saya, kita melawat anak murid, tanya masalah dia bantu mereka, bahkan kita bantu keluarga dia.

NHI : **Adakah cikgu suka mengadakan kelas tambahan untuk para pelajar terutamanya yang akan menduduki peperiksaan atau cukup sekadar pembelajaran di sekolah?**

CR : Saya sangat-sangat suka bahkan saya berebut-rebut dengan cikgu saya sampai nak bertengkar,saya mesti kata saya nak sabtu ini hari ini tapi kalau tak boleh (sambil menggeleng) tak apalah hari apa-apa asal ada saya. (sambil tersenyum)

NHI : **Bagaimana hubungan cikgu dengan para pelajar? Adakah cikgu mengamalkan konsep menjadi kawan kepada para pelajar cikgu?**

CR : Ya [sambil menganggukkan kepala] saya suka begitu konsep kawan santai tapi saya tegas, apa yang saya nak *you* [awak] kena buat, *you* [awak] kena buat. Tapi tak semestinya *you* [awak] buat tu betul yang penting mereka buat dan mereka belajar daripada kesilapan dan mereka patuh kepada peraturan patuh peraturan bilik darjah, peraturan sekolah. Maknanya kita minta dia sentiasa patuh, sentiasa ceria, bersemangat untuk terima jadi saya guna pendekatan *apeni* [apa ini] sebagai rakan.

NHI : **Apa pula formula cikgu untuk mengekalkan hubungan baik dengan pelajar?**

CR : Formula saya yang tadi lah, formulanya ialah *apeni* [apa ini] membina hubungan akrab, membina hubungan baik, mengetahui latar belakang *apeni* [apa ini], latar belakang keluarga dia, saya pertama saya kena kenal pasti murid saya ini siapa. Ertinya data murid-murid saya mesti ada dalam, dalam *apeni* [apa ini] dengan saya. Setiap murid ada data. Bagaimana saya dapat, kadang-kadang saya dapat daripada guru disiplin, guru kelas ataupun saya temubual. Jadi data-data itu saya boleh bina hubungan-hubungan baik.

NHI : **Apakah pencapaian daripada pelajar yang paling cikgu bangga?**

CR : Pencapaian, pencapaian yang pertama mereka faham. Mereka faham apa yang saya ajar itu. Apa yang saya sampai hari itu mereka faham dan dapat aplikasi dalam *apeni* [apa ini] situasi-situasi berikutnya dan *apeni* [apa ini] kadang-kadang yang membanggakan saya mereka boleh ajar, boleh bantu saya ajar rakan lain. Itu menyeronokkan saya, sangat menyeronokkan. (sambil mengangguk)

NHI : **Suka dan duka sepanjang cikgu bergelar seorang guru?**

CR : Suka dan duka, suka dan duka. yang saya suka tadi bila pelajar saya menyatakan :

"Cikgu saya sudah faham, cikgu beri peluang saya *apeni* [apa ini] sekali lagi untuk saya ambil tanggungjawab tugas."

Yang duka saya ialah apabila saya tidak dapat *apeni* [apa ini] memenuhi *apeni* [apa ini] sebahagian kecil pelajar saya, kadang-kadang saya terabai. Saya terlepas pandang saya asyik mengurus pelajar yang lemah yang sederhana kadang-kadang saya terabai pelajar yang pandai, mereka merajuk, sayang. Kadang-kadang saya bagi tumpuan kepada pelajar pandai, pelajar lemah dan sederhana merajuk, sayang. Jadi apa saya buat, saya duduk dengan mereka selepas itu selepas kelas saya belanja makan. Bahkan saya belanja makan seluruh sekolah, saya pernah belanja makan seribu orang pelajar, seribu orang pelajar saya belanja, dia tak tahu *sape* [siapa] belanja, saya kata "Jangan cakap siapa belanja" yang penting ketua darjah ambil makanan, masuk dalam kelas, makan. (sambil mengangguk)

NHI : **Sepanjang tempoh menjadi seorang guru berapa kalikah cikgu bertukar sekolah?**

CR : Ouhh saya pertama sekolah saya ialah Sekolah Menengah Falahiah. Sekolah kedua Sekolah Menengah Tengku Panglima Raja, sekolah yang ketiga Sekolah Menengah Tanah Merah 1, (bunyi notifikasi telefon) yang keempat sekolah menengah Sains Tengku Muhammad Faris Petra. *So* [jadi] empat kali lah

NHI : **Pengalaman yang tak dapat cikgu lupakan sepanjang bergelar seorang pendidik ini?**

CR : Pengalaman, — pengalaman sebagai pendidik, apabila saya berada di setiap sekolah saya menjadi teman kepada pelajar-pelajar saya di empat

buah sekolah. Menjadi teman, saya kadang-kadang itu dapat panggilan, dapat panggilan, memperkenalkan diri, walaupun saya lupa. kadang-kadang bila saya makan seorang diri di sesuatu tempat ada hamba Allah belanja tinggal nota, kenalkan diri, ada yang tepuk bahu, "Cikgu ingat saya?" Kami berbual sampai menitis air mata. Itu kenangan-kenangnan yang indahlah — saya ada pelajar yang ingat saya, sekolah mana pun, *apeni* [apa ini] sampai ke hari ini saya tak sepi dengan pelajar, ada pelajar datang rumah saya, tiga empat orang sekali rombongan buat kejutan, jadi ini rasa saya bangga dengan pelajar saya.

NHI : **Adakah cikgu merasa puas atau gembira setiap kali melihat pelajar cikgu berjaya di peringkat seterusnya?**

CR : Memang rasa puas, tetapi kepuasan saya itu tidak bernoktah. Saya *apeni* [apa ini] melihat pelajar saya itu cemerlang lah, bukan setakat cemerlang di sekolah, bahkan selepas keluar universiti, saya melihat di *facebook* [muka buku] ataupun bila dia hantar gambar-gambar tentang kejayaan mereka, saya rasa sangat sungguh-sungguh dihargai lah dan *apeni* [apa ini] rasa puas saya tidak berhenti di sekolah. Saya *apeni* [apa ini] malah sekarang ini sentiasa mendapat pangggilan ataupun hantaran-hantaran yang mengingatkan saya zaman saya mengajar

NHI : **Sekiranya di beri peluang adakah cikgu ingin mengajar mata pelajaran lain selain daripada mata pelajaran yang cikgu ajar?**

CR : Kalau mengajar, saya mengajar matapelajaran saya lah iaitu kimia dan matematik. Tapi dalam masa yang sama, kalau saya pergi ke sekolah-sekolah saya bukan setakat mengajar lah, saya beri pelajar-pelajar saya

input lain, input motivasi *apeni* [apa ini] input teguran-teguran, perkongsian-perkongsian membantu — potensi mereka.

NHI : **Apakah teknik yang digunakan oleh cikgu semasa sesi pembelajaran?**

CR : Saya banyak guna kaedah pembelajaran *apeni* [apa ini] *discovery* [penemuan] kebanyakannya iaitu berdasarkan *apeni* [apa ini] problem based learning dan saya guna strategi-strategi berdasarkan soalan, saya bantu mereka melaksanakan aktiviti-aktiviti pembelajaran. *So* [Jadi] mereka menemui sendiri apa yang mereka nak capai berdasarkan objektif mereka, *so* [jadi] maknanya saya lebih pada berdemokrasi lah dalam pembelajaran tidak autokratik (sambil menggeleng) ini menyenangkan saya dan pelajar pun diberi kebebasan diberi keadilan diberi *apeni* [apa ini] peluang untuk belajar kendiri. (sambil mengangguk) Dan kadang-kadang saya bagi pelajar-pelajar yang lemah of course [sudah tentu] saya guna kaedah pembelajaran *mastery* [penguasaan]

NHI : **Bagaimanakah penerimaan pelajar sendiri terhadap adaptasi cikgu mengenai teknik ini?**

CR : Mereka walaupun bila saya guna kaedah ini, saya melibatkan kerja berpasukan maksudnya berlaku banyak kemahiran insaniah, *soft skill collaborative cooperative* [kerjasama] bersosial berlaku di situ. Maknanya saya beri hak kepada pelajar untuk menyelesai masalah, dia menemui sendiri apani hasil pembelajaran saya hanya bertindak sebagai pembimbing ataupun bahasanya fasilitator dan pelajar suka apabila mereka membuat pembentangan, bila mereka memberi komen kepada pelajar-pelajar. Dan saya hanya bertindak sebagai fasilitator sahaja dan dia jadi bebas lah pelajar

ini, jadi pembelajaran yang saya katakan tadi bermakna, kelas yang kondusif wujud.

NHI : **Daripada mana cikgu peroleh teknik ini?**

CR : Memang saya sebagai guru cemerlang, banyak diberi pendedahan dari segi pedagogi. Kerana *apeni* [apa ini] pengajaran pembelajaran ini bersifat dinamik. Saya sentiasa menghadiri kursus-kursus pembangunan staff dari aspek pedagogi *apeni* [apa ini] sukatan pelajaran, pembinaan item. Jadi ini membantu saya banyak dalam mempelbagaikan pembelajaran dan pengajaran di bilik darjah

NHI : **Apakah kelebihan dan kekurangan kepada guru dan pelajar mengenai teknik ini?**

CR : Ouh saya rasa banyak kelebihan lah, saya ulang balik kelebihan pertama ialah pelajar diberi kebebasan untuk menyelesaikan masalah secara berpasukan *collaborative* [bekerjasama], *cooperative* [kerjasama] dan saya bertindak sebagai fasilitator. Jadi itu kelebihannya.

Kelebihannya pelajar boleh belajar secara kendiri, secara demokratik. Melakukan aktiviti berdasarkan *apeni* [apa ini] senarai aktiviti yang saya bina untuk mereka (sambil mengangguk). Jadi daripada aktiviti itu mereka laksanakan pembelajaran sehingga mencapai objek, itu kelebihannya. Kalau kekurangan ialah bagi pelajar-pelajar lemah, yang mana mereka ini lemah dari segi ilmu satu, kemahiran mengendali alat — jadi saya kena bimbing mereka. Itu saya kata kadang-kadang saya terabai itu, ada pelajar terabai sebab saya fokus pada mereka banyak dalam kelas. Itu kelemahan lah tapi dapat diatasi (sambil mengangguk)

NHI : **Pada pendapat cikgu adakah kegiatan kokurikulum juga penting kepada seseorang pelajar?**

CR : Mesti (sambil menggeleng) kegiatan kokurikulum mesti, bagi saya kegiatan kokurikulum ada dua. Satu kokurikulum akademik, misalnya syarahan, *apeni* [apa ini] kuiz, saintis muda, doktor muda, itu berdasarkan akademik. Berdasarkan *apeni* [apa ini] kokurikulum biasa, permainan, permainan sukan. Ini sangat membantu mereka dari aspek jati diri sebagai pemimpin, membina potensi sebagai pemimpin, di samping memberi kesihatan mental dan fizikal kepada mereka.

NHI : **Apakah kegiatan kokurikulum di sekolah yang cikgu terlibat sebagai guru pembimbing?**

CR : Saya setiap tahun saya pegang Ketua Rumah, *so* [jadi] saya bersama-bersama *team* [kumpulan] saya buat jadual, jadual penyeliaan, sukan aktiviti dan permainan. Permainan yang saya pegang ialah golf, memang *tiap-tiap* [setiap] tahun, walaupun saya tak pandai main golf, jadi saya banyak belajar rupa-rupanya. Saya banyak belajar dengan guru golf jadi saya jemputlah pihak *apeni* [apa ini] golf itu bersama pelajar untuk datang buat kelas di kelab golf di pengkalan chepa itu. Jadi saya belajar lah di situ walaupun saya tak pernah tahu pun hal golf. Banyak belajar, jadi ini menyeronokkan saya. Di samping, bukan saya, maknanya saya tidak terperuk di dalam kelas sahaja. Dalam masa sama saya boleh bersosial (sambil ketawa kecil) dengan pelajar di luar bilik darjah dalam permainan kokurikulum.

NHI : **Bagaimana tahap pencapaian kokurikulum tersebut?**

CR : Okay [baiklah] disebabkan kesungguhan pihak sekolah, dan saya sebagai guru penasihat bersama beberapa rakan ambil inisiatif membuat latihan yang kerap, mingguan. Jadi pelajar yang ceburi memang yang dah minat, jadi senanglah saya urus. Jadi pencapaian mereka membanggakan, sampai ada yang dapat johan ikut *level* [peringkat] dia lah dan naib johan. Jadi maknanya tak sia-sialah (sambil ketawa) walaupun saya tak pandai main golf.

NHI : **Pada pendapat cikgu dimanakah letaknya kualiti seorang guru?**

CR : Kualiti seorang guru ialah kebertanggungjawaban, kesungguhan. *Okay* [baiklah] bagi saya kita mula-mula begini lah kita kena kualiti mula dengan kepimpinan pengetua kita, kita panggil kepimpinan suksional, kita bersama pengetua dan rakan-rakan kena faham apa visi dan misi sekolah tersebut, kita kena kuasai bersama daripada situlah kita boleh laksanakan tugas dengan bersungguh-sungguh dan bertanggung jawab, dan kita nak (sambil mengangguk) bila kita dah tahu visi dan misi of course [sudah tentu] kita nak produk hasil yang, yang baik, yang berkualiti. Itulah formulanya.

NHI : **Apakah aspek-aspek penting bagi menjadi seorang pendidik yang baik?**

CR : Aspek penting ialah pertama sudah tentulah pengetahuan dalam bidang kita, bidang kepakaran kita, kemahiran dalam bidang kita, pengalaman yang kita ada, dalam masa tempoh kita mengajar kita kena rebut peluang dengan menghadiri kursus, bengkel. Jangan, jangan kita tolak sebab dia beri kita banyak ilmu kemahiran. Dan kita laksana dengan sungguh-

sungguh, dengan penuh tanggungjawab. Sebab fokus kita, kita nak produk yang baik-baik, yang berkualiti.

NHI : **Bagaimana pandangan cikgu mengenai prestasi akademik di kalangan pelajar melayu dan cina?**

CR : Di Sekolah Menengah Tanah Merah 1 saya nampak ketara lah, pelajar cina lebih baik lah. Sebab tadi formulanya kesungguhan, minat dan kesungguhan, mereka berebut-rebut masuk kelas, saya mengajar di tingkatan enam, kimia. Mereka berebut-rebut duduk dekat saya, pelajar cina, saya cemburu. Kadang-kadang *beraso nok* [berasa hendak] tak senanglah. Tapi itu murid saya, saya kena layan, jadi apa berlaku pelajar melayu lah yang *slow* [lambat] duduk belakang, dan mereka tidak begitu beri perhatian dalam kelas di Tanah Merah, di sekolah menengah tanah merah. Tapi saya ambil inisiatif lah, ambil inisiatif buat kelas tambahan, bukan pelajar melayu sahaja, semua. Kemudian di Sekolah Menengah Faris Petra tak ramai pelajar yang bukan melayu, pelajar cina ada, pelajar kadazan ada daripada sabah sarawak, pelajar india pun ada, pelajar siam pun ada dan mereka ini bergaul mesra dengan pelajar melayu, jadi pencapaiannya sama rata.

NHI : **Apakah jawatan-jawatan penting sepanjang bergelar seorang cikgu?**

CR Jawatan penting, okay [baiklah] jawatan penting, saya guru cemerlang kimia daripada Gred DG 48 Gred Khas-C, saya diberi tugas lima puluh peratus mengajar, mengajar membuat perancangan mengajar bilik darjah dengan mengusahakan alat bantu mengajar cukup, kemudian saya mengurus panitia saya, kemudian saya mengadakan kelas bimbingan kepada rakan-rakan, ketiga. Yang keempat saya membuat kajian dan

penulisan ilmiah, menerbitkan buku-buku kimia saya itu, Tiga buah buku. Dan tugas saya terima secara keseluruhan *apeni* [apa ini] memberi khidmat kepada bahagian-bahagian di kementerian pelajaran seperti *PPD* [Perkhidmatan Perawatan Domisiliari], *JPN* [Bahagian Pendaftaran Negara] peperiksaan, bahagian kokurikulum, kementerian pelajaran dan saya di peringkat kebangsaan saya pegang ketua pemeriksa, *JU* [jurulatih utama] mata pelajaran, saya pegang *apeni* [apa ini] konsultan dalam bidang kimia, itu peringkat kebangsaan. Di sekolah saya memang ketua panitia penasihat kecemerlangan akademik peringkat *SPM* [Sijil Pelajaran Malaysia]. Saya berada di bahagian pengurusan pentadbiran sekolah bersama-sama dengan guru kanan dan pengetua merancang *apeni* [apa ini] kursus pembangunan staff dan *apeni* [apa ini] merancang kurikulum dan akademik di sekolah.

**TAMAT BAHAGIAN 4**

## BAHAGIAN 5 : ANUGERAH KERJAYA DAN PENGHARGAAN

NHI : **Apakah anugerah-anugerah yang pernah cikgu terima?**

CR : Anugerah pertama saya terima sebagai anugerah pengajar cemerlang kimia, (membuka buku rujukan) Anugerah *Royal Society of Chemistry Malaysia Section*. [Persatuan Diraja Kimia Malaysia Seksyen]. Kemudian saya dianugerahkan Guru Cemerlang Kimia Gred DG 48, kemudian dapat Anugerah Guru Cemerlang Kimia Gred DG 52, kemudian diikuti Guru Cemerlang Kimia Gred DG 54, akhir sekali saya dianugerahi sebagai Guru Cemerlang Kimia Gred Khas-C.

NHI : **Bolehkah cikgu kongsikan pada tahun berapa cikgu menerima anugerah tersebut?**

CR : Anugerah itu, Anugerah Royal Society of Chemistry Malaysia Section pada 02 Ogos 1986. Kemudian saya mendapat anugerahkan pertama tawaran sebagai Guru Cemerlang Kimia Gred DG 48 pada tahun 2003, kemudian dianugerah Guru Cemerlang Kimia Gred DG 52 pada tahun 2008, kemudian diikuti Guru Cemerlang Kimia Gred DG 54 pada tahun 2009, akhir sekali saya dianugerahi sebagai Guru Cemerlang Kimia Gred Khas-C pada 2013. (sambil mengangguk)

NHI : **Anugerah Tokoh Guru Cemerlang merupakan pencapaian yang agak besar, bagaimana perasan cikgu apabila dinobatkan sebagai Tokoh Guru tersebut?**

CR : Perasaan sebenarnya, *of course lah* [sudah tentulah] saya bersyukur berterima kasih, sebab saya *tak* [tidak] fokus untuk dapat demikian, mungkin hasil daripada kerja kuat. Saya buat dengan sungguh-sungguh untuk dapat produk yang berkesan, yang baik. Jadi bila saya terlibat dengan banyak-banyak agensi dengan terutamanya bahagian-bahagian Kementerian Pelajaran daripada PPD sampai peringkat Kebangsaan, sebagai ketua pemeriksa Malaysia, sebagai jurulatih kebangsaan malaysia lah jadi mungkin itulah menggerakkan mereka untuk memberi anugerah kepada saya. Tapi saya tidak mendapat tokoh-tokoh apapun, *tak* [tidak] dicadang pun.

NHI : **Di manakah majlis penganugerahan tersebut diadakan?**

CR : Anugerah-anugerah itu berlaku di luar kelantan lah ya, contohnya kecuali DG 48. Bagi gred DG 52 daripada Kementerian Pendidikan Malaysia dibuat di hotel BlueWave Shah Alam. Kemudian anugerah Gred DG 54 pun di hotel — Kemudian Anugerah Gred Khas C, saya sepatut hadir dan menerima daripada menteri pendidikan masa *tu* [itu] Tan Sri Muhyiddin Yassin, di hotel lima bintang juga lah, *tapi* [tetapi] saya tak dapat hadir kerana saya sakit masa tu [itu].

NHI : **Apalah kesan ataupun perbezaan yang dapat cikgu rasai apabila mendapat anugerah tersebut?**

CR : Kesannya, pertama sekali saya syukur sangat-sangat (sambil menganggukk) terima kasih dan memotivasikan saya, memberi saya lebih semangat untuk bekerja sebab ini adalah anugerah Allah kepada saya hasil daripada kerja buat dan semua itu rezeki daripada Allah. Saya tidak pernah berbangga tetapi saya rasa satu anugerah, amanah kepada saya — laksanakan tugas sebagai guru cemerlang.

